



LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI MELIBATKAN HAIWAN

1. AKTIVITI JUALAN HAIWAN HIDUP DALAM KURUNGAN

1. Pemohon yang memohon lesen di bawah kategori syarikat hendaklah mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah daripada SSM.
2. Pemohon hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang sah daripada pihak berkuasa tempatan.
3. Pemohon tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan perundangan subsidiari di bawahnya dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh permohonan.
4. Aktiviti hendaklah mematuhi Kod Amalan Kebajikan Haiwan - Aktiviti Jualan Haiwan Kesayangan.
5. Aktiviti melibatkan penjualan haiwan kesayangan sahaja (Haiwan kesayangan bermaksud haiwan yang dipelihara oleh mana-mana orang sebagai peneman, hobi, berkhidmat untuk pemunya, untuk pertandingan atau untuk pertunjukan).

2. PENGINAPAN HAIWAN

1. Pemohon yang memohon lesen di bawah kategori syarikat hendaklah mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah daripada SSM.
2. Pemohon hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang sah daripada pihak berkuasa tempatan.
3. Pemohon tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) atau mana-mana perundangan subsidiarinya dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh permohonan.
4. Aktiviti hendaklah mematuhi Kod Amalan Kebajikan Haiwan - Aktiviti Penginapan Haiwan Kesayangan.
5. Aktiviti penginapan melibatkan haiwan kesayangan sahaja (Haiwan kesayangan bermaksud haiwan yang dipelihara oleh mana-mana orang sebagai peneman, hobi, berkhidmat untuk pemunya, untuk pertandingan atau untuk pertunjukan).

3. MENUNGGANG DAN MENGEPUK HAIWAN (EKUIN)

1. Pemohon yang memohon lesen di bawah kategori syarikat hendaklah mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah daripada SSM.

2. Pemohon hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang sah daripada pihak berkuasa tempatan.
3. Pemohon tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan perundangan subsidiari di bawahnya dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh permohonan.
4. Aktiviti melibatkan haiwan jenis kuda sahaja.
5. Menyediakan perkhidmatan untuk mengepung (*spelling*) dan menunggang (*riding*) kuda kepada orang ramai atau pihak lain bagi menjana pendapatan.
6. Aktiviti hendaklah mematuhi *Animal Welfare Code of Practice – Horse Riding and Spelling Activities*.

4. AKTIVITI YANG BERHUBUNGAN DENGAN TEMPAT KURUNGAN DAN PERLINDUNGAN HAIWAN

1. Pemohon yang memohon lesen di bawah kategori pertubuhan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Registrar of Society) sebagai pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan aktiviti perlindungan haiwan;.
2. Pemohon menjalankan aktiviti di atas tanah yang sah, sama ada:
 - i. tanah milik sendiri; atau
 - ii. mendapat kebenaran yang sah daripada pemilik tanah untuk menjalankan aktiviti perlindungan haiwan sekiranya tanah tersebut bukan milik pemohon.
3. Pemohon mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa lain bagi kawasan yang tidak dikawal selia oleh pihak berkuasa tempatan.
4. Tidak menjalankan aktiviti di kawasan perumahan dan aktiviti yang dijalankan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
5. Pemohon tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan perundangan subsidiari di bawahnya dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh permohonan.
6. Aktiviti hendaklah mematuhi Kod Amalan Kebajikan Haiwan – Aktiviti Pengurusan Tempat Kurungan dan Perlindungan Haiwan.

Nota :

Pihak Lembaga Kebajikan Haiwan boleh meminda syarat-syarat lesen ini pada bila-bila masa tanpa perlu memaklumkan terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.

Dikemaskini pada : 27/10/2023